

Perbandingan Pendidikan Cina dan Pendidikan India Era British di Tanah Melayu

Comparison of Chinese Education and Indian Education British Era in Malaya

Khairi Ariffin, Mohd Kamal Kamaruddin & Adnan Jusoh

*Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
email : khairi.ariffin@fsk.upsi.edu.my*

Abstrak

Pendidikan Cina dan Pendidikan India secara beransur-ansur berkembang pada zaman kolonial British di Tanah Melayu seiring dengan berlakunya perkembangan ekonomi. Pertambahan bilangan penduduk Cina dan India di Tanah Melayu menyebabkan aspek pendidikan untuk anak masyarakat Cina dan India sebagai satu keperluan selaras dengan apa yang berlaku di negara asal mereka masing-masing. Kajian penulisan ini dilakukan dengan merujuk dan menggunakan sumber-sumber yang terdapat di Jabatan Arkib Negara dan Perpustakaan Institut Pengajian Tinggi Malaysia. Dasar kolonial British terhadap pendidikan Cina dan India adalah tidak seimbang dan pihak kolonial British memberi layanan lebih baik bagi pendidikan India berbanding dengan pendidikan Cina. Pendidikan India berkembang di estet dengan pihak majikan telah diminta oleh kerajaan kolonial British menyediakan kemudahan pendidikan bagi masyarakat India yang tinggal di estet berkenaan. Pendidikan Cina pula berkembang di petempatan masyarakat Cina di bandar, namun pihak kolonial British tidak memberi bantuan dan menyediakan kemudahan pendidikan, sebaliknya pendidikan sekolah Cina dibiayai komuniti mereka sendiri. Secara keseluruhannya, Pendidikan Cina dan pendidikan India tidak mendapat bantuan dan layanan yang sama daripada pihak kolonial British ini berterusan sehingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.

Kata Kunci Pendidikan Cina, Pendidikan India, Kolonial, komuniti, kemerdekaan

Abstract

Chinese Education and Indian Education gradually evolved in colonial British in Malaya, along with the occurrence of economic development. The increase in the number of Chinese and Indians in Malaya resulted aspects of education for the children of Chinese and Indian communities as a necessity in line with what is happening in their home country, respectively. Review writing is done by reference and using the resources available department of the National Archives and the Library of the Institute of Higher Education Malaysia. British colonial policy on Chinese education

and Indian education is not balanced and the British colonial provide better service for Indian education compared to Chinese education. Indian education is growing in estates with the employers have been asked by the British colonial government to provide educational facilities for the Indian community living in the estates concerned. Chinese education is growing in Chinese settlements in the cities, but the British colonial did not help and provide access to education, but education of Chinese funded by communities. Overall , Chinese education and Indian education does not get help and the same treatment from the British colonial continued until the Malaya independence.

Keywords *Chinese Education, Education India, Colonial, community, independence*

Pengenalan

Kemasukan orang Cina dan India ke Tanah Melayu mendapat galakkan daripada pihak British yang mahukan hasil kekayaan yang bersumberkan bahan galian dan pertanian yang banyak didapati di Tanah Melayu. Kolonial British mahu memiliki hasil dan kekayaan dengan menjadikan orang Cina dan India sebagai buruh dan pengusaha yang terlibat dalam proses pengeluaran. Kebanyakan orang Cina yang datang ke Tanah Melayu adalah dari bahagian tenggara negeri China iaitu dari wilayah-wilayah seperti Kwantung, Kwangsi, Fukien dan Pulau Hainan. Kebanyakan orang Cina dari kawasan ini bersedia dan berminat untuk berhijrah bagi mendapat kehidupan yang lebih baik dari tanah asal mereka. Keadaan kemasukan orang Cina menjadi semakin mudah apabila dasar imigrasi British yang menggalakkan serta Tanah Melayu dikatakan dapat menyediakan peluang-peluang perniagaan dan perlombongan sehinggalah berlaku kemerosotan pada tahun 1930-an dan ini menyebabkan pihak kerajaan kolonial British mengambil tindakan menyekat dan menguatkuasakan sekatan kemasukan mereka ke Tanah Melayu.

Kemasukan orang Cina bermula sejak pertengahan abad kesembilan belas sehingga permulaan Perang Dunia Kedua menjadikan Tanah Melayu dikandungi pola penduduk yang lebih besar. Adalah dianggarkan orang Cina memasuki Tanah Melayu semenjak abad kesembilan belas, seramai lima juta orang dan meningkat kepada angka dua belas juta antara tahun 1900 hingga 1940. Walaupun sebahagian besar orang Cina kembali semula ke tanah asal mereka, namun sebahagian lagi masih mahu tinggal dan bercadang untuk menetap sahaja di Tanah Melayu. Pada tahun 1871, di Negeri-negeri Selat sahaja terdapat orang Cina seramai 104, 615 orang dan menjadi 2,418,615 orang atau 44% bagi jumlah penduduk Tanah Melayu pada tahun 1941. Lihat jadual 1.0:

Jadual 1.0 Bilangan Penduduk Cina di Tanah Melayu dari Tahun 1871–1941.

Tahun	Jumlah Penduduk Tanah Melayu	Bilangan Orang Cina	Peratusan Orang Cina %
1871	308,097	104,615	34
1891	910,123	391,418	43
1901	1,227,195	583,396	48
1911	2,644,489	914,143	35
1921	3,338,545	1,170,551	36
1931	4,345,503	1,703,528	39
1941	5,545,173	2,418,615	44

*Jumlah Penduduk Tahun 1871 Merujuk Penduduk di Negeri-Negeri Selat Sahaja. Bagi Tahun 1891-1941 adalah Merujuk bilangan Penduduk di Negeri-Negeri Selat & Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.
Sumber : Oii Jin Bee, 1963, *Land, People and Economy in Malaya*, London, Longman Green & Co, hlm. 113

Jadual 1.0 menunjukkan dalam tempoh selama 20 tahun, bancian bilangan penduduk Cina bagi kawasan di negeri-negeri Selat bertambah dari 104,651 orang pada tahun 1871 kepada 391,418 orang pada tahun 1891. Ini menunjukkan pertambahan melebihi dua kali ganda dan pertambahan ini berterusan bagi tempoh setiap sepuluh tahun iaitu pada tahun 1901 bilangan penduduk Cina adalah seramai 583,396 orang bersamaan dengan peningkatan sebanyak 48%. Bagi tahun 1911, bilangan penduduk Cina terus meningkat sebanyak 914,143 orang bersamaan dengan 35% dan manakala pada tahun 1921 bilangan penduduk Cina adalah sebanyak 1,170,551 orang bersamaan dengan 36%. Didapati bagi tempoh 20 tahun ini, pertambahan bilangan penduduk Cina di Negeri-negeri Selat masih berlaku tetapi tidaklah menunjukkan jumlah pertambahan yang begitu besar sebagaimana tahun-tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, pada tahun 1931 jumlah pertambahan penduduk Cina menjadi bertambah besar iaitu sebanyak 1,703,528 orang bersamaan 30% dan bilangan ini berterusan bertambah besar pada tahun 1941 dengan pertambahan bilangan penduduk Cina seramai 2,418,615 orang atau bersamaan 44%. Pertambahan bilangan penduduk Cina ini jelas menunjukkan bahawa terdapat juga keperluan yang besar dalam kalangan anak-anak masyarakat Cina terhadap pendidikan Cina pada masa itu.

Manakala kemasukan orang India ke Tanah Melayu adalah tujuan asalnya untuk memenuhi keperluan tenaga buruh di sektor perladangan getah di samping untuk memenuhi guna tenaga kerja dalam pembinaan jalanraya dan jalan keretapi. Kebanyakan buruh yang datang ke Tanah Melayu adalah orang Tamil dari Madras, diikuti oleh orang India dari kawasan utara yang mempunyai kedudukan ekonomi yang baik atau kelas tinggi seperti golongan ikhtisas, saudagar, kontraktor kecil, golongan ceti, pekedai, dan penjaja. Lihat jadual 1.1

Jadual 1.1 Bilangan Penduduk India di Tanah Melayu dari Tahun 1871-1941

Tahun	Jumlah Penduduk Tanah Melayu	Bilangan Orang India	Peratusan Orang India %
1871	308,097	33,390	11
1891	910,123	74,081	08
1901	1,227,195	115,536	09
1911	2,644,489	267,159	10
1921	3,338,545	471,536	15
1931	4,345,503	621,774	14
1941	5,545,173	767,693	14

Jumlah Penduduk Tahun 1871 Merujuk Penduduk di Negeri-negeri Selat Sahaja. Bagi Tahun 1891-1941 adalah Merujuk bilangan Penduduk di Negeri-Negeri Selat & Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.

Sumber : Oii Jin Bee, 1963, *Land, People and Economy in Malaya*, London, Longman Green & Co, hlm. 116-117.

Jadual 1.1 menunjukkan bahawa bagi tempoh 20 tahun, bancian penduduk masyarakat India di Negeri-negeri Selat bertambah dari 33,390 orang pada tahun 1871 kepada 74.081 orang pada tahun 1891. Peningkatan pertambahan bilangan penduduk

India di Negeri-negeri Selat ini juga adalah melebihi sekali ganda, manakala pada tahun 1901 jumlah penduduk India adalah seramai 115,536 orang bersamaan 9% dan berterusan meningkat pada tahun 1911 iaitu sebanyak 267,159 orang bersamaan 10%. Bagi tahun 1921 jumlah penduduk India mencapai angka sebanyak 471,536 orang bersamaan 15%. Manakala pada tahun 1931 jumlah penduduk India berkenaan bertambah sebanyak 621,774 orang bersamaan 14% dan bilangan penduduk India sehingga tahun 1941 masih bertambah, tetapi dengan jumlah peningkatan yang tidak begitu besar jumlahnya iaitu 767,693 orang bersamaan 14% juga. Seiring dengan pertambahan bilangan penduduk India, maka peluang pendidikan untuk anak-anak masyarakat India juga amat diperlukan pada masa itu.

Dengan bersumberkan maklumat tentang kemasukan orang Cina dan India ke Tanah Melayu ini, ia jelas mempengaruhi bilangan penduduk di Tanah Melayu dan pada suatu tahap bilangan orang Cina dikatakan melebihi jumlah orang Melayu seperti yang ditunjukkan jadual 1.2. Dalam jadual 1.2 di bawah menunjukkan pada tahun 1941, jumlah penduduk Melayu adalah seramai 2,248,579 orang, penduduk Cina pula adalah seramai 2,418,615 orang dan penduduk India pula adalah seramai 767,693 orang berbanding dengan bangsa Eropah sebanyak 30,251 orang manakala penduduk Nasrani dan lain-lain pula adalah sebanyak 80,035 orang. Dari jumlah penduduk pada tahun 1941 seramai 5,545,173 orang adalah didapati bilangan penduduk Cina melebihi orang Melayu iaitu pada jumlah 2,418,615 juta orang sedangkan penduduk Melayu adalah 2,248,579 orang sahaja.

Jadual 1.2 Bilangan dan Komposisi Penduduk Tanah Melayu Tahun 1941

Bangsa	Bilangan Penduduk	Jumlah Peratusan (%)
Melayu	2,248,579	40.5
Cina	2,418,615	44
India	767,693	14
Eropah	30,251	00.5
Nasrani & Lain	80,035	1
Jumlah	5,545,173	100.0

Sumber: Oii Jin Bee, 1963, *Land, People and Economy in Malaya*, London, Longman Green & Co, hlm. 121

Pendidikan Cina dan Pendidikan India

Kewujudan masyarakat pelbagai kaum di Tanah Melayu pada masa itu telah membangkitkan persoalan secara tidak langsung tentang dasar dan sikap pihak kolonial British terhadap pendidikan Melayu, Cina dan India. Pihak kolonial British hanya mementingkan keamanan dan kekayaan bumi Tanah Melayu untuk dibawa pulang ke England. Daripada apa yang telah dilaksanakan oleh pihak kolonial British di Tanah Melayu untuk pendidikan Melayu lebih bersifat '*melepaskan batuk ditangga*' sahaja kerana semenjak pengenalan pendidikan sekular ke atas orang Melayu, tiada apa-apa yang dikatakan amat bermakna kepada orang Melayu dan pendidikan Melayu khususnya, cuma golongan elit dan bangsawan Melayu sahaja sahaja yang menerima sedikit faedah itupun disebabkan pihak kolonial British ingin menjaga hati dan kepentingan mereka di Tanah Melayu. Orang Melayu dengan Pendidikan Melayu '*terbenam*' di kampung-kampung atau di kawasan luar bandar (Tan Liok Ee, 1997:18).

Bagi orang Cina dan India di Tanah Melayu, mereka dilihat oleh kolonial British sebagai bangsa pendatang dan bahasa pengantar mereka bukanlah bahasa Melayu. Sehubungan itu, pihak kolonial British merasakan bukanlah menjadi tanggungjawab atau keperluan bagi pihak mereka untuk memikir, menyedia dan memberikan pelajaran atau pendidikan kepada anak orang Cina dan India yang tinggal di Tanah Melayu pada masa itu. Pada tahun 1901 dengan jelas Residen Jeneral menyatakan bahawa bukanlah suatu dasar yang baik bagi kerajaan untuk memberi pelajaran kepada anak-anak penduduk sementara yang asing (Cina) dalam bahasa ibunda mereka. Orang Cina di Tanah Melayu begitu memberi perhatian kepada perkembangan pendidikan untuk anak-anak mereka;

“ The enthusiasm for education which is no characteristic of post-revolutionary China has been found an echo among Chinese of Peninsula... Since 1911, however, the Chinese have founded many schools to give their children a modern education in their own tongue. Some few free schools maintained by the sponsored of individual; others run by District Societies.”

(Report in The Federated Malay States, 1901 & Penyata Tahunan Residen-Jeneral, Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1901)

Pihak kolonial British sebaliknya membuka peluang kepada orang asing di Tanah Melayu agar mereka mendapatkan peluang pelajaran dari semua sekolah bantuan kerajaan dan negeri untuk anak mereka. Bagi pihak kolonial British, terdapat beberapa sebab yang menyebabkan pihak kolonial British mengambil langkah sedemikian kerana bagi mereka sama ada orang Cina atau orang India, mereka terutamanya orang Cina mempunyai banyak bahasa daerah dan juga orang India walaupun tidak sebanyak orang Cina. Namun penggunaan bahasa ibunda masing-masing akan menimbulkan kesukaran bagi pentadbiran British di Tanah Melayu dan jika dibiarkan pertambahan terhadap bilangan sekolah jenis ini mungkin akan bertambah banyak bilangannya pada masa akan datang. Sekolah jenis ini akan menyekat berbagai-bagai bangsa yang ada di Tanah Melayu untuk mempunyai atau menjalinkan hubungan dagangan atau perniagaan dan secara langsung menghalang bangsa asing ini daripada mempelajari bahasa penduduk asal negeri ini. Ini juga akan menimbulkan perasaan untuk mengasingkan diri mereka dengan penduduk asal Tanah Melayu serta menimbulkan anggapan bahawa negeri China dan India masih sebagai tanah air mereka dan taat setia mereka bukan terhadap Tanah Melayu (*Board of Education, 1905:11*).

Walau bagaimanapun, terdapat sedikit perubahan terhadap dasar pihak kolonial British terhadap pendidikan orang bukan Melayu terutama setelah kemasukan orang India di Tanah Melayu. Persidangan Residen-Residen British telah membuat kesimpulan baru bahawa iaitu seharusnya kemudahan disediakan bagi kanak-kanak orang India yang berhijrah ke Tanah Melayu sebagai membantu mereka memperoleh pengetahuan tentang bahasa ibunda mereka. Di samping itu bertujuan memberi tanggapan kepada para penghijrah India yang datang agar menerima Negeri-Negeri Melayu Bersekutu sebagai sebahagian dari negara India sebagaimana mereka menganggap Ceylon (Sri Lanka) sebagai sebahagian dari India (*Report on The Federated Malay States, 1902: 35 & Penyata Tahunan Residen British, Perak.*).

Dasar British yang agak berbeza terhadap orang India mungkin disebabkan kolonial British sedar tentang orang India juga di bawah naungan pentadbirannya serta ibu bapa orang India yang datang berhijrah ke Tanah Melayu juga adalah dalam kalangan mereka yang terdiri daripada individu atau orang yang berjaya dalam bidang pendidikan. Sejarah awal sekolah untuk orang India (pengantar Bahasa Tamil) bermula pada tahun 1816 apabila terdapat sekolah berpengantar bahasa Tamil diwujudkan sebagai cawangan bagi *Penang Free School*. Pada tahun 1850 muncul sebuah sekolah Anglo-Tamil (mengajar Bahasa Inggeris dan Bahasa Tamil) yang didirikan di Melaka dengan mendapat bantuan kerajaan kolonial British. Seiring dengan kemajuan ladang getah, gula, kopi, dan ladang kelapa pada tahun 1870-an, sekolah-sekolah kecil di ladang-ladang berkenaan iaitu di Province Wellesley, Melaka dan Johor Utara merebak ke seluruh bahagian Tanah Melayu apabila ianya diperlukan oleh masyarakat India (Persekutuan Tanah Melayu, *Annual report on Education for*. 1954:27).

Sebahagian besar sekolah-sekolah ini adalah didirikan atas usaha persendirian kerana pihak kerajaan kolonial masih menganggap penglibatan mereka sepenuhnya kurang diperlukan terutama bagi kaum pendatang ini. Pada tahun 1912, Undang-Undang Perburuhan dikuatkuasakan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu bagi sesebuah ladang yang mempunyai kanak-kanak berumur tujuh hingga empat belas tahun dengan bilangan kanak-kanak tidak kurang daripada sepuluh orang adalah menjadi tanggungjawab pihak majikan menyediakan dan mengadakan sekolah untuk kakitangannya. Ini juga dijelaskan dengan pernyataan:

“The responsibility of providing an education to the Indian children of Indian immigrants was shifted to their parents’ employers. Employers were required by law to provide schooling and day-care centres for children of their employees and thus become ‘the reluctant custodians of the education of the vast majority of Indian children’”.

(Sinnappah Arasaratnam, 1970:179 & Tan Liok Ee, 1997:19)

Polisi British Terhadap Perkembangan Pendidikan

Sikap kerajaan kolonial British juga dikatakan agak mengambil berat tentang pendidikan untuk orang India apabila bantuan perkapita tahunan terhadap kanak-kanak India diberikan sedikit berdasarkan kepada peperiksaan dan hitung panjang kehadiran di sekolah. Selain itu, kerajaan kolonial juga turut membiayai yuran beberapa buah sekolah terutamanya sekolah di kawasan bandar yang ibu bapa mereka bekerja dengan Jabatan kerja Awam dan keretapi. Kebanyakan sekolah yang berada di ladang-ladang adalah bersifat sekolah luar bandar yang mungkin mempunyai persamaan dengan pendidikan sekolah Melayu atau sekolah Melayu agak lebih baik sedikit. Ini kerana keadaan di sekolah India berkenaan amatlah tidak memuaskan kerana bangunannya tidak sesuai dan amat buruk, gaji yang diterima gurunya pula amat rendah serta guru kurang kelayakan dan kemahiran serta tidak cekap. Bilangan kehadiran para pelajar adalah rendah dan tidak tetap dan bilangan murid-murid yang tercicir dalam pembelajaran amatlah ramai. Jangka masa pembelajaran bagi seseorang pelajar hanya empat tahun sahaja dan hanya beberapa buah sekolah sahaja yang dapat meneruskan pengajian sehingga ke darjah lima dan darjah enam. Kebanyakan ibu bapa tidak begitu

menggalakkan anak-anak mereka mengikuti kelas sehingga tamat kursus asas dengan sempurna sebaliknya lebih mementingkan tenaga buruh anak-anak mereka dalam memenuhi pendapatan keluarga jika anak-anak mereka membantu mereka atau keluar bekerja (Paul Chang Ming, 1979:21).

Pada tahun 1930, pentadbiran Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu melantik seorang yang berpengetahuan dalam bahasa Tamil sebagai pegawai dalam Perkhidmatan Pelajaran Tanah Melayu untuk menjalankan lawatan ke sekolah-sekolah Tamil dan memantau kerja-kerja mereka. Namun usaha ini terhenti apabila pegawai berkenaan telah meninggal dunia beberapa tahun setelah menjawat jawatan ini dan kekosongan jawatan ini hanya diisi pada tahun 1937. Pegawai baru yang dilantik ini telah dihantar oleh Perkhidmatan Pelajaran Tanah Melayu ke India bagi menjalankan kajian mengenai bahasa Tamil. Hasilnya ialah menekankan bahawa pengajaran bahasa Tamil akan diutamakan kepada anak-anak India yang tinggal di ladang-ladang atau di kawasan luar bandar. Latihan untuk guru dicadangkan dijalankan di pusat latihan perguruan di merata tempat yang terdapat di Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (*Annual Report of the Department of Education, Federated Malay State*. 1912:14).

Sekolah orang India sehingga Perang Dunia Kedua dikatakan telah mempunyai empat jenis sekolah iaitu:

1. Sekolah yang dibiayai atau ditanggung serta diuruskan oleh kerajaan kolonial khasnya anak-anak orang India yang ibu bapanya adalah kakitangan atau pekerja yang bekerja dengan kerajaan.
2. Sekolah-sekolah di kawasan ladang atau estet yang dibiayai oleh majikan atau pihak pengurusan ladang sebagai mana yang dikehendaki oleh Undang-undang Perburuhan.
3. Sekolah-sekolah Persendirian (*private*) yang dilaksanakan oleh jawatankuasa penduduk tempatan atau komuniti setempat.
4. Sekolah-sekolah yang diuruskan oleh pihak mubaligh (*missionary bodies*) Kristian yang pada masa itu berbagai-bagai.

H.R Cheeseman yang merupakan Pengarah Pelajaran memberi laporan yang menunjukkan sekolah India mencapai sedikit perubahan yang baik pada tahun 1941. Dengan menyatakan antaranya perubahannya ialah bilangan pelajar darjah lima dan darjah enam semakin bertambah, sekolah-sekolah aktif mengadakan pertunjukkan latihan jasmani dan permainan, lebih 80% sekolah-sekolah mempunyai kawasan berkebun dan sentiasa mendapat laporan yang memuaskan daripada pihak berkuasa Jabatan Pertanian. Guru pula telah mula terlatih dari kelas-kelas latihan tempatan. Keadaan ini memberi gambaran yang positif dan menggalakkan (*Annual Report on Education in The Malayan Union for the period 1st April, 1946 to 31st 1946:32*).

Agak berlainan sedikit tentang situasi yang berlaku terhadap pendidikan sekolah orang Cina, walaupun pihak kolonial British tidak membuat sebarang usaha untuk menyusun atau mengorganisasi pendidikan orang Cina di Tanah Melayu, namun masyarakat Cina dibenarkan dengan bebas untuk mendirikan sekolah untuk keperluan

pendidikan anak-anak mereka mengikut sistem dan acuan yang telah dibawa dari negara China. Sebenarnya, pihak kolonial British lebih menggalakkan agar orang Cina mempelajari bahasa penduduk tempatan (Paul Chang Ming, 1979:11). Sehingga tahun 1920, perkembangan pendidikan sekolah-sekolah orang Cina di Tanah Melayu adalah dipengaruhi oleh beberapa faktor:

1. Polisi Kerajaan British terhadap perkembangan pendidikan di Tanah Melayu.
2. Sikap dan kesediaan orang Cina untuk menyediakan sekolah-sekolah untuk anak-anak mereka.
3. Perkembangan yang berlaku dalam politik dan pelajaran dalam bahasa Cina.
4. Pengaruh dan sikap Kerajaan Republik China terhadap orang Cina yang berada di Seberang Laut atau di negara asing.

Niat sebenar kerajaan British ialah sengaja tidak mahu mengambil peduli terhadap pendidikan orang Cina di Tanah Melayu terutama pada masa sepanjang abad ke-19 sehingga dua dekad pertama pada abad ke-20. Namun orang Cina mempunyai rasa tanggungjawab dan memandang tinggi pendidikan telah mengambil tindakan sendiri untuk membina dan mendirikan bangunan sekolahnya sendiri tanpa mengharapkan bantuan kerajaan kolonial. Pelajaran pada peringkat awalnya tidak seragam kerana mereka menggunakan bahasa pengantar mengikut dialek masing-masing yang dibawa dari negeri China serta kaedah dan metodologi pengajaran dan pembelajarannya bersifat klasik. Manakala pelajaran Ilmu Hisab dengan menggunakan alat sempoa (capua). Sama keadaannya dengan guru-guru yang mengajar sekolah orang India di estet iaitu guru-guru di sekolah Cina juga tidak berkelayakan dan tidak mempunyai sebarang latihan yang khusus dalam pengajaran dan tidak mempunyai bekalan pengetahuan yang mencukupi. Ini kerana kebanyakan daripada guru-guru di sekolah Cina pada masa itu mempunyai kerja lain seperti menilik nasib dan mengambil upah menjadi penulis surat. Cuma kelebihan daripada orang Cina lain kerana mereka tahu membaca dan menulis. Memang boleh dipuji atas sikap berinisiatif dalam kalangan orang Cina untuk membina sekolah-sekolah mereka sendiri tetapi keadaannya amat tidak memuaskan. Mengikut Victor Purcell (1948) yang pernah memegang jawatan sebagai Pelawat Sekolah Cina menyatakan:

“Kebanyakan bilik darjahnya adalah terletak di bahagian bawah tanah, sudut rumah atau di tingkat atas (loteng) yang kotor dengan tidak mempunyai ruang udara yang cukup dan gelap (kerana tidak dimasuki cahaya), tidak dilengkapi dengan peralatan kebersihan, kebanyakan murid-muridnya menghidapi penyakit kulit (mungkin kudis), suasana pembelajaran yang amat bising dalam kalangan murid-murid kerana mengamalkan pembelajaran menghafal dan ini memekakkan telinga.”

(Purcell. V., 1948:228)

Seorang sarjana dari negeri China yang disingkirkan kerana kegagalannya dalam usaha pembaharuan di negeri China pada tahun 1898 bernama Kang Yu Wei datang ke Tanah Melayu pada tahun 1900. Setelah berada di Tanah Melayu beliau mengilhamkan penggabungan ilmu pengajaran Confucius dengan ilmu sains moden. Antara usaha

yang dilakukan oleh Kang Yu Wei ialah membantu menyusun kurikulum dan mengambil kakitangan baru. Hasilnya, beberapa buah sekolah rendah yang dikatakan mempunyai konsep baru dengan mendapat bantuan dan derma daripada masyarakat Cina telah dijalankan terutamanya di negeri-negeri pantai barat Tanah Melayu. Mengikut Tregonning (1964) sekolah untuk orang Cina yang berkonsepsikan ciri baru ini didirikan di Kuala Lumpur pada tahun 1900, di Pulau Pinang pada tahun 1904, di Ipoh Perak pada tahun 1906, dan di Seremban Negeri Sembilan pada tahun 1910, manakala di Singapura pula telah didirikan enam buah sekolah walaupun ia agak lewat sedikit iaitu pada tahun 1906.

Perubahan politik di negeri China telah mempengaruhi perkembangan pendidikan sekolah Cina di Tanah Melayu. Perlembagaan baru Republik China yang dibentuk setelah kejatuhan dinasti Manchu dalam revolusi oleh rakyat China pada tahun 1911, menganggap tiap-tiap orang daripada bangsa Cina adalah sebagai warganegara China tanpa mengambil kira tempat ia dilahirkan dan inilah yang menyebabkan kerajaan China telah menghantar wakil-wakil untuk menyelia sekolah-sekolah orang Cina di Tanah Melayu dan menghantar laporannya ke Nanking dan juga memperkenalkan suatu sistem bantuan (Purcell, 1948). Negeri China melaksanakan kempen Gerakan Bahasa Kebangsaan dan pada tahun 1917, kempen Gerakan Bahasa kebangsaan telah merebak ke Tanah Melayu dan sampai kepada sekolah-sekolah orang Cina Tanah Melayu agar menggunakan bahasa Mandarin (Kuo Yu). Sehubungan itu, keperluan buku teks pelajaran telah dibawa masuk dari negeri China dan termasuk sebilangan besar guru yang menjadi tenaga pengajar. Kebanyakan guru yang baru datang ke Tanah Melayu dikatakan mempunyai semangat anti British dan ini secara tidak langsung mempengaruhi pemikiran para pelajar dan juga masyarakat setempat. Pada masa itu, kerajaan kolonial British seperti 'terhidu' bahaya yang bakal terjadi jika perkembangan yang sedang berlaku di sekolah Cina Tanah Melayu ini dibiarkan berterusan. Mengikut Purcell (1948):

“ Sekolah-sekolah Cina secara beransur-ansur telah mula dijadikan alat dakwah politik dari luar Tanah Melayu yang matlamatnya sudah pasti bertentangan atau bercanggah dengan dasar kerajaan Tanah Melayu (British).”

Atas keperluan ekonomi dan politiknya, pihak kolonial British memperkenalkan Rang Undang-Undang (*Bill*) Pelajaran pada Mei 1920 yang bersangkutan bagi mewajibkan semua operasi sekolah Cina di Tanah Melayu didaftarkan bagi mengawal sekolah Cina dan guru-gurunya. Pendaftaran bagi guru dan sekolah Cina dengan Jabatan Pendidikan telah dilaksanakan di bawah Majlis Perundangan Negeri-negeri Selat. Mengikut Penasihat Undang-undang (*Attorney General*) objektif Rang Undang-undang Pelajaran 1920 berkenaan adalah memastikan semua sekolah Cina berkeadaan baik dan guru-gurunya akan diberikan latihan yang berkesan agar guru-guru yang bakal disediakan 'tidak bertentangan dengan minat kerajaan kolonial' (Tan Liok Ee, 1997:20). Rang Undang-Undang Pelajaran 1920 berkenaan memberi kuasa kepada kerajaan untuk menutup sekolah-sekolah yang tidak mematuhi undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan.

Walaupun Rang Undang-undang Pelajaran 1920 ini seolah-olah memberi gambaran yang menakutkan bagi sesetengah orang Cina, namun dasar dan polisi kolonial British

ini secara tidak langsung memajukan pendidikan Cina di Tanah Melayu. Umpamanya pelbagai kaedah diperkenalkan untuk membantu memberi latihan kepada guru Cina, mempertingkatkan sukatan pelajaran dan menyesuaikan penyusunan buku-buku teks dengan keperluan semasa dan bertambah untung apabila sekolah-sekolah Cina juga diberi bantuan kewangan terutamanya yang menyediakan sekolah Inggeris atau *Anglo Chinese School* (Tan Liok Ee, 1997:21). Walaupun bantuan kewangan berkenaan agak kecil jika dibandingkan dengan sekolah berpengantar bahasa Inggeris, namun ia dapat dianggap bahawa Cina bukan lagi asing di Tanah Melayu tetapi sudah hampir 'menyamai' orang Melayu walaupun sebelum pengenalan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Kesimpulan

Perkembangan pendidikan Cina dan Pendidikan India di Tanah Melayu adalah seiring dengan perkembangan dan pertambahan bilangan penduduk serta petempatan Cina dan India. Bagi kolonial British, peluang pendidikan bagi masyarakat Cina agak kurang diberi perhatian dan lebih membiarkan pendidikan sekolah Cina dibantu oleh komuniti dan persatuan penduduk mereka masing-masing. Bagi pendidikan India pula, pihak British memberi perhatian lebih sedikit dengan meminta pihak majikan di estet-estet menyediakan kemudahan dan keperluan pendidikan anak-anak India. Secara keseluruhannya, perkembangan pendidikan Cina dan Pendidikan India tidak sepenuhnya mendapat bantuan daripada pihak kolonial British sehinggalah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan tahun 1957.

Rujukan

- Annual Report of the Department of Education, Federated Malay States*. Kuala Lumpur. Government Printed. 1929.
- Annual Report on Education in The Malayan Union for the period 1st April, 1946 to 31st December*. Kuala Lumpur. Government Printed. 1946.
- Board of Education. 1905*. Jilid 14, Cetakan Ketiga Cmd. 2739, London, H.M.S.O 1905.
- CO 439/3 Federated Malay States. Selangor Administration Report 1923.
- Paul Chang Ming, "*Perkembangan Pelajaran Dalam Masyarakat Berbilang Kaum: Kajian Kes Di Malaysia*", dlm. Abdul Rahman Hj Arshad. 1979. Peranan pendidikan dalam memupuk semangat perpaduan bagi masyarakat berbilang kaum. Kuala Lumpur. Universiti Malaya.
- Penyata Tahunan Residen British, Perak. 1919
- Penyata Tahunan Residen-Jeneral, Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1901
- Persekutuan Tanah Melayu, Annual report on Education for 1954*, Kuala Lumpur, Cetakan Kerajaan, 1955.
- Purcell. V. 1948. *The Chinese in Malaya*. London. Oxford University Press.
- Report in The Federated Malay States, 1901, Cd. 1927 London, M.M.S.O,
- Report on The Federated Malay States*, 1902.
- Sinnappah Arasaratnam. (1970). *Indians in Malaysia and Singapore*, published for the Institute of Race Relation. London. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Tan Liok Ee. (1997). *The Politic Of Chinese Education In Malaya*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Tregonning. K.G. (1964). *A History of Modern Malaya*, London: Eastern Universities Press.